

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

- PERTANYAAN** : Bertulis
- DARIPADA** : Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh
[Setiu]
- SOALAN** : Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh
minta **MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah
pemantauan yang dilakukan oleh Kerajaan
dalam menghapuskan masalah rasuah
subsidi diesel di antara nelayan tempatan
dan pihak penguatkuasa.
- JAWAPAN** :

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) telah menubuhkan Jawatankuasa Kawalan yang melibatkan pelbagai Jabatan dan Agensi untuk menghapuskan masalah rasuah diesel di antara nelayan tempatan dan pihak penguatkuasa. Antaranya ialah Jawatankuasa *Taskforce* Peringkat Ibu Pejabat LKIM dan Jawatankuasa *Taskforce* Peringkat LKIM Negeri.

LKIM juga mendapat kerjasama daripada ahli-ahli Persatuan Nelayan (PN) dalam menyalurkan maklumat kepada pihak berkuasa sekiranya mendapati terdapat aktiviti-aktiviti yang mencurigakan.

Selain itu, Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia turut bersama-sama membanteras kegiatan penyalahgunaan diesel dan petrol bersubsidi. Jumlah tangkapan dan nilai rampasan diesel dan petrol di atas pelbagai kesalahan terutama di perairan Semenanjung Malaysia dan perairan Sabah pada tahun 2013 dan 2014 adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Kes	Kuantiti (Liter)	Nilai (RM)
2013	25	69,329	207,987.00
2014 (sehingga September)	4	15,625	46,875.00